



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

IMTIHAN AL-KAFAAH LI AL-LUGHAH AL-ARABIYYAH (IKLA) SECARA DALAM TALIAN (ONLINE) TAHUN 2021

B.	ARAHAN KHUSUS
	B.1 KOMPONEN UJIAN KEMAHIRAN MEMBACA (500/2)
	B.1.1. Masa ujian kertas ini ialah ialah 30 minit .
	B.1.2. Kertas soalan ini terbahagi kepada tiga bahagian , iaitu Bahagian A , Bahagian B , dan Bahagian C . Setiap bahagian mempunyai lima soalan . Setiap soalan mengandungi pilihan jawapan A, B, dan C. Jawab semua soalan.
	B.1.3. Soalan dan pilihan jawapan ujian akan dipaparkan di skrin komputer .
	B.1.4. Calon dikehendaki klik pilihan jawapan (A, B, atau C) yang terpapar di skrin komputer bagi menjawab soalan yang dikemukakan. Untuk ke soalan berikutnya , calon dikehendaki menekan butang Next .
	B.1.5. Calon boleh menggunakan butang Back pada skrin komputer untuk melihat semula pilihan jawapan yang dipaparkan pada skrin komputer bagi tujuan membetulkan jawapan atau menjawab soalan yang belum dijawab selagi masa menjawab belum tamat.
	B.1.6. Calon yang telah selesai menjawab semua soalan sebelum masa menjawab tamat dikehendaki menghantar jawapan dengan menekan butang Submit (End of Exam) di skrin komputer. Perkataan YOU HAVE SUBMITTED YOUR ANSWER. THANK YOU akan terpapar di skrin komputer selepas itu.
	B.1.7. Calon akan keluar (log out) daripada sistem ujian apabila menekan butang Submit (End of Exam) .
	B.1.8. Perkataan THE EXAM SESSION HAS ENDED. THANK YOU akan terpapar pada skrin komputer apabila masa ujian telah tamat. Sistem secara automatic akan menghantar jawapan calon ke dalam sistem ujian sekiranya calon tidak sempat menekan butang Submit (End of Exam) sebelum masa ujian tamat.
	B.1.9. Calon dinasihatkan supaya sentiasa merujuk baki masa ujian yang terpapar di bahagian atas sebelah kanan skrin komputer.
	B.1.10. Calon dinasihatkan menonton Video Tutorial Panduan Menduduki Ujian IKLA dengan melayari pautan yang diberikan dalam IKLA/D bagi menjamin kelancaran semasa menduduki ujian.



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

IMTIHAN AL-KAFAAH LI AL-LUGHAH AL-ARABIYYAH (IKLA) SECARA DALAM TALIAN (ONLINE) TAHUN 2021

B.	ARAHAN KHUSUS	
	B.2 KOMPONEN UJIAN KEMAHIRAN MENULIS (500/3)	
	B.2.1	Masa ujian kertas ini ialah 60 minit .
	B.2.2	Kertas soalan ini mengandungi empat soalan . Tiga soalan daripada Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B . Jawab semua soalan.
	B.2.3	Jawapan hendaklah ditulis di atas kertas tulis ujian (test pad) yang disediakan sendiri oleh calon. Calon dikehendaki menulis nama dan nombor kad pengenalan di bahagian atas setiap helaian kertas jawapan .
	B.2.4	Calon mesti menggunakan pen berdakwat hitam untuk menulis jawapan pada kertas tulis tersebut.
	B.2.5	Soalan ujian dipaparkan di skrin komputer .
	B.2.6	Calon perlu menekan butang Next untuk ke soalan berikutnya.
	B.2.7	Calon boleh menggunakan butang Back untuk melihat semula soalan yang dipaparkan di skrin komputer.
	B.2.8	Perkataan THE EXAM SESSION HAS ENDED. THANK YOU akan terpapar pada skrin komputer apabila masa ujian telah tamat.
	B.2.9	Setelah selesai menjawab soalan, calon perlu mengimbas (scan) jawapan dengan menggunakan aplikasi pengimbasan seperti <i>CamScanner</i> sekiranya menggunakan telefon bimbit bagi menyimpan (save) fail dalam bentuk PDF. Calon dikehendaki menggunakan Nombor Kad Pengenalan sendiri bagi menamakan fail PDF tersebut. Calon hendaklah memuat naik fail PDF tersebut ke ruang Upload yang telah disediakan di dalam sistem ujian komponen Menulis di komputer dan seterusnya menekan butang Submit . Calon dikehendaki menyemak fail PDF terlebih dahulu sebelum menekan butang Submit .
	B.2.10	Peringatan: Calon diberi masa selama 15 minit selepas masa ujian kertas ini tamat untuk menghantar jawapan yang telah diimbas. Sistem penerimaan jawapan dari calon akan ditutup 15 minit selepas masa ujian kertas ini tamat.
	B.2.11	Calon dikehendaki menyimpan bukti penghantaran jawapan sebagai rujukan sekiranya diperlukan.
	B.2.12	Calon yang tidak menghantar jawapan ujian dianggap tidak menduduki ujian ini.
	B.2.13	Calon dinasihatkan supaya sentiasa merujuk baki masa ujian yang terpapar di bahagian atas sebelah kanan skrin komputer.
	B.2.14	Calon dinasihatkan menonton Video Tutorial Panduan Menduduki Ujian IKLA dengan melayari pautan yang diberikan dalam IKLA/D bagi menjamin kelancaran semasa menduduki ujian.



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

IMTIHAN AL-KAFAAH LI AL-LUGHAH AL-ARABIYYAH (IKLA) SECARA DALAM TALIAN (ONLINE) TAHUN 2021

ARAHAH KHUSUS		
	B.3 KOMPONEN UJIAN KEMAHIRAN MENDENGAR(500/1)	
	B.3.1 Masa ujian kertas ini ialah 30 minit .	
	B.3.2 Kertas soalan ini mengandungi 4 bahagian , iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C, dan Bahagian D . Setiap bahagian mengandungi 5 soalan . Setiap soalan mengandungi pilihan jawapan A, B, dan C. Jawab semua soalan.	
	B.3.3 Calon digalakkan untuk menggunakan ear phone semasa ujian ini berlangsung bagi mendapatkan kualiti bunyi yang baik semasa ujian.	
	B.3.4 Calon perlu menguji kebolehgunaan ear phone tersebut sebelum ujian ini bermula bagi mengelakkan sebarang masalah semasa ujian ini berlangsung.	
	B.3.5 Calon dikehendaki klik butang Play ► untuk mendengar petikan. Petikan dan soalan akan diperdengarkan kepada calon sebanyak dua kali sahaja secara terus-menerus . Petikan ini tidak dipaparkan di skrin komputer. Hanya soalan dan pilihan jawapan sahaja yang dipaparkan di skrin komputer.	
	B.3.6 Calon dikehendaki klik pilihan jawapan (A, B, atau C) yang terpapar di skrin komputer bagi menjawab soalan yang dikemukakan. Untuk ke soalan berikutnya , calon dikehendaki menekan butang Next .	
	B.3.7 Calon boleh menggunakan butang Back pada skrin komputer untuk melihat semula pilihan jawapan yang dipaparkan pada skrin komputer bagi tujuan membetulkan jawapan atau menjawab soalan yang belum dijawab selagi masa menjawab belum tamat.	
	B.3.8 Calon yang telah selesai menjawab semua soalan sebelum masa menjawab tamat dikehendaki menghantar jawapan dengan menekan butang Submit (End of Exam) di skrin komputer. Perkataan YOU HAVE SUBMITTED YOUR ANSWER. THANK YOU akan terpapar di skrin komputer selepas itu.	
	B.3.9 Calon akan keluar (log out) daripada sistem ujian apabila menekan butang Submit (End of Exam) .	
	B.3.10 Perkataan THE EXAM SESSION HAS ENDED. THANK YOU akan terpapar pada skrin komputer apabila masa ujian telah tamat. Sistem secara automatik akan menghantar jawapan calon ke dalam sistem ujian sekiranya calon tidak sempat menekan butang Submit (End of Exam) sebelum masa ujian tamat.	
	B.3.11 Calon dinasihatkan supaya sentiasa merujuk baki masa ujian yang terpapar di bahagian atas sebelah kanan skrin komputer.	
	B.3.12 Calon dinasihatkan menonton Video Tutorial Panduan Menduduki Ujian IKLA dengan melayari pautan yang diberikan dalam IKLA/D bagi menjamin kelancaran semasa menduduki ujian.	



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

IMTIHAN AL-KAFAAH LI AL-LUGHAH AL-ARABIYYAH (IKLA) SECARA DALAM TALIAN (ONLINE) TAHUN 2021

B.	ARAHAN KHUSUS
	B.4 KOMPONEN UJIAN KEMAHIRAN BERTUTUR (500/4)
	B.4.1 Masa ujian kertas ini ialah 30 minit .
	B.4.2 Calon akan diuji secara bersemuka melalui dalam talian (<i>online</i>) oleh pemeriksa ujian.
	B.4.3 Calon dikehendaki mendaftar masuk sistem (<i>log-in</i>) menggunakan pautan yang terdapat pada slip pendaftaran ujian IKLA (IKLA/D) iaitu 20 minit sebelum waktu ujian bertutur bermula (sila rujuk Jadual Waktu Ujian Bertutur)
	B.4.4 Selepas mendaftar masuk (<i>log-in</i>), calon akan ditempatkan di dalam Bilik Menunggu (Waiting Room) .
	B.4.5 Calon kemudian akan dipindahkan oleh pemeriksa untuk ke Bilik Ujian 10 minit sebelum waktu ujian bermula. Terdapat empat orang calon dalam bilik ujian tersebut. Calon akan diberikan penerangan oleh Pemeriksa .
	B.4.6 Calon MESTI membuka kamera dan mikrofon apabila berada di dalam bilik ujian.
	B.4.7 Ujian ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama ialah bertutur secara individu . Setiap calon diperuntukan masa selama 4 minit dalam bahagian ini, iaitu 2 minit diperuntukkan untuk membuat persediaan (calon boleh membuat catatan pada kertas yang disediakan oleh calon sendiri) manakala 2 minit lagi untuk bertutur secara individu .
	B.4.8 Bahagian kedua ialah bertutur secara berkumpulan seramai empat orang. Dalam bahagian ini, setiap calon diperuntukan masa selama 4 minit untuk membuat persediaan (calon boleh membuat catatan pada kertas yang disediakan oleh calon sendiri) dan seterusnya sesi perbualan dalam kumpulan (10 minit) .
	B.4.9 Setelah ujian bertutur selesai, pemeriksa akan daftar keluar sistem (Log-out) semua calon dari bilik ujian sebelum empat calon lain dari bilik menunggu dipindahkan ke bilik ujian tersebut.
	B.4.10 Aplikasi video conferencing yang akan digunakan ialah <i>Lifesize</i> . Sila rujuk <i>Lifesize Apps Handbook IKLA 2021</i> di pautan http://www.mpm.edu.my/ikla/lifesize-apps-handbook-ikla-2021 untuk maklumat lanjut.
	B.4.11 Calon dikehendaki menguji perkasan komputer seperti mikrofon dan kamera yang akan digunakan bagi ujian ini di aplikasi Lifesize melalui: Pautan : https://call.lifesizecloud.com/10669424 Passcode: 251251 Ujian terhadap perkasan komputer ini hendaklah dilakukan 3 hari sebelum tarikh ujian bertutur bermula. Ini bagi mengelakkan sebarang masalah semasa ujian ini berlangsung.

